

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**SOLIDARITI PALESTIN: KEDINAMIKAN TINDAKAN BOIKOT
DARI PERSPEKTIF TEORI IDENTITI SOSIAL***PALESTINIAN SOLIDARITY: THE DYNAMICS OF BOYCOTT ACTION FROM
THE PERSPECTIVE OF SOCIAL IDENTITY THEORY*

Siti Norayu Mohd Basir^{1*}, Nor Hafizan Habib Sultan², Mohd Arsad Johanis³, Siti Balkis Mohamed Ibrahim⁴

¹ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: norayu@unimap.edu.my

² Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: norhafizan@unimap.edu.my

³ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: mohdarsad@unimap.edu.my

⁴ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: sitibalkis@unimap.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 31.07.2024

Revised date: 18.08.2024

Accepted date: 17.09.2024

Published date: 24.09.2024

To cite this document:

Basir, S. N. M., Habib Sultan, N. H., Johanis, M. A., & Ibrahim, S. B. M. (2024). Solidariti Palestin: Kedinamikan Tindakan Boikot Dari Perspektif Teori Identiti Sosial. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (37), 71-84.

DOI: 10.35631/IJLGC.937007

Abstrak:

Krisis Israel-Palestin bukanlah isu baharu, melibatkan sejarah, agama, politik, dan sumber daya selama puluhan tahun. Konflik ini menyebabkan pertempuran ketenteraan, mengorbankan lebih 35,000 rakyat Palestin sejak 7 Oktober 2023. Usaha perdamaian seperti Perjanjian Oslo gagal, maka memerlukan komitmen politik yang sangat kuat. Justeru, inisiatif solidariti Palestin melalui demonstrasi, bantuan kemanusiaan, dan boikot ekonomi Israel bertujuan mendapatkan keadilan dan pemulihan hak tanah. Kajian ini menganalisis tindakan memboikot produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Israel sebagai bentuk solidariti global terhadap rakyat Palestin yang tertindas akibat kekejaman dan jenayah perang oleh Israel. Berdasarkan Teori Identiti Sosial (TIS), yang diperkenalkan oleh Henri Tajfel dan John Turner, kajian ini menunjukkan bahawa identiti individu tidak hanya dibentuk melalui ciri-ciri peribadi tetapi juga melalui keanggotaan dalam kumpulan sosial yang berkongsi matlamat dan nilai-nilai yang sama. Boikot ini memperkuat identiti kolektif yang berjuang untuk keadilan. Selain itu, penggunaan media sosial memperhebat kesedaran global, menyatukan organisasi dan individu dalam menekan ekonomi Israel untuk menghentikan kekejaman zionis mereka.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Boikot, Teori Identiti Sosial, Solidariti , Konflik Palestin-Israel, Kemanusiaan, Identiti

Abstract:

The Israeli-Palestinian crisis is not a new issue, involving decades of history, religion, politics, and resources. This conflict has led to a military conflict, killing more than 35,000 Palestinians since October 7, 2023. Peace efforts such as the Oslo Accords have failed, thus requiring a very strong political commitment. Therefore, Palestinian solidarity initiatives through demonstrations, humanitarian aid, and economic boycott of Israel aim to obtain justice and the restoration of land rights. This study analyzes the act of boycotting products and services related to Israel as a form of global solidarity against the Palestinian people who are oppressed due to atrocities and war crimes by Israel. Based on the Social Identity Theory (SIT), introduced by Henri Tajfel and John Turner, this study shows that individual identity is not only formed through personal characteristics but also through membership in social groups that share the same goals and values. This boycott strengthens the collective identity that fights for justice. Additionally, the use of social media intensified global awareness, uniting organizations and individuals in pressuring the Israeli economy to stop their Zionist atrocities.

Keywords:

Boycott, Social Identity Theory, Solidarity, Palestinian-Israeli Conflict, Humanity, Identity

Pendahuluan

Krisis antara Israel dan Palestin bukanlah isu baharu. Konflik ini telah berlangsung selama puluhan tahun yang melibatkan sejarah, agama, politik dan sumber daya. Malahan konflik ini mencetuskan pertempuran ketenteraan dan ketegangan politik. Lantaran itu, lebih 35,000 orang rakyat Palestin terbunuh termasuk kanak-kanak di Semenanjung Gaza dan seramai 500 petugas perubatan terbunuh sejak bermulanya perang Israel di Gaza pada 7 Oktober 2023 tahun lalu (Kementerian Kesihatan Gaza, 14 Mei 2024). Sehingga kini tempoh masa peperangan telah menjangkau selama 227 hari. Situasi ini telah menjadi semakin teruk sejak tercetusnya tragedi Operation Casting Lead (OCL) dan sekatan yang dilakukan oleh Rejim Zionis terhadap rakyat Gaza, Palestin (Nur Atika & Norhafizah, 2020).

Pada dasarnya, konflik ini bermula dari tuntutan kedua belah pihak ke atas wilayah yang sama di Timur Tengah terutama Yerusalem yang merupakan kota suci bagi tiga agama terbesar iaitu Islam, Kristian dan yahudi. Selain itu, isu pemukiman Israel di Tepi Barat dan Jalur Gaza telah menjadi titik perdebatan yang penting. Krisis ini berlarutan terjadi disebabkan Israel mendukung pendirian pemukiman di wilayah tersebut sementara Palestin dan beberapa negara lain telah membuat penentangan ke atas wilayah tersebut.

Usaha perdamaian telah dilakukan termasuk melaksanakan perjanjian seperti Perjanjian Oslo pada tahun 1993 yang juga dikenali sebagai Deklarasi Prinsip-Prinsip tentang Aransemén Pemerintahan Sendiri Sementara (Knesset, 1998). Namun, telah mengalami kegagalan disebabkan oleh implementasi, berunsur kekerasan dan kurangnya kepercayaan ke atas kedua-dua belah pihak. Krisis Israel dan Palestina adalah satu konflik terpanjang di dunia. Justeru,

untuk merungkai konflik tersebut memerlukan komitmen politik, negosiasi yang jujur serta kemahuan yang kuat dari kedua belah pihak untuk mengakhiri krisis ini secara adil.

Justeru, solidariti Palestin mempunyai kedinamikan sebagai usaha untuk mendukung nilai-nilai moral sebagai langkah yang ditonjolkan oleh individu, kelompok atau negara kepada rakyat Palestin. Usaha ini sebagai satu cara untuk memboikot bertujuan mendapatkan keadilan dan pemulihan kepada hak tanah dan wilayah mereka yang telah diambil alih oleh Israel. Solidariti Palestin dapat dilakukan dengan pelbagai cara termasuklah demonstrasi, bantuan kemanusiaan, boikot ekonomi terhadap perusahaan yang terlibat dengan Israel. Justeru, adakah solidariti Palestin adalah satu kewajipan atau bersifat perikemanusiaan.

Latar Belakang Krisis Palestin- Israel

Palestin merupakan sebuah negara yang terletak di rantau Asia Barat yang telah wujud sejak tahun 1917. Pada tahun 1948 peristiwa Nakba terjadi. Nakba membawa maksud "malapetaka" dalam bahasa Arab. Ia merujuk kepada perpindahan besar-besaran dan pelupusan rakyat Palestin semasa perang Arab-Israel pada tahun 1948. Sebelum berlakunya peristiwa nakba, Palestin terdiri daripada pelbagai masyarakat etnik dan budaya. Krisis Israel dan Palestina telah bermula sejak berdirinya negara Israel pada 15 Mei 1948. Pada masa itu, Israel telah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Hal ini telah memberi impak yang sangat besar terhadap penduduk di Palestin.

Rentetan daripada penjajahan yang berlaku, hampir 2 juta penduduk Palestin telah dihalau daripada kawasan penempatan mereka disebabkan orang yahudi ingin menduduki bumi palestine. Justeru, akibat daripada kejadian ini, sebilangan besar rakyat Palestin terpaksa menjadi pelarian di negara-negara Arab yang lain seperti di Syria, Jordan dan Lubnan (Atika, 2022). Sebahagian lagi rakyat Palestin yang masih tinggal di tanah air, mereka diancam dengan pelbagai bentuk keselamatan diri seperti tembakan, pengeboman, dijadikan tahanan dan telah diusir ke kawasan lain. Malah pihak zionis juga telah memberi tekanan hidup terhadap rakyat Palestin melalui sekatan terhadap sumber keperluan asas seperti air, makanan, perubatan, kawalan telekomunikasi dan kebebasan untuk bergerak (Gainsborough, 1986; Aulia, 2009; Zakaria & Nor, 2013; Batniji, et al., 2009; Greenstein, 2020; Fischer, 2021).

Palestin merupakan sebuah negara yang terletak di bahagian barat benua Asia dan di bahagian Timur Laut tengah atau Asia Barat. Kedudukan Palestin yang agak strategik kerana menghubungkan benua Asia dan Afrika. Selain itu, negara palestine juga adalah titik tengah yang mempertemukan wilayah dunia-dunia islam iaitu berada di tengah-tengah negara Arab. Lantaran itu, pergolakan politik dari dalam dan luar wilayah telah menarik perhatian dari seluruh dunia. Oleh itu, Malaysia tidak terkecuali dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat-rakyat Palestin setiap kali diancam oleh zionis. Negara Malaysia begitu cakna akan masalah yang berlaku di Palestin sehinggakan menyalurkan pelbagai bantuan, sentiasa membincangkan isu-isu bantuan yang boleh disalurkan serta memboikot produk-produk dan barangan serta perkhidmatan yang berkaitan dengan Israel. Menerusi solidariti ini, diharap ia dapat membina kesedaran dan sifat keprihatinan yang tinggi dalam kalangan umat Islam. Malah sifat keprihatinan yang tinggi dalam kalangan umat Islam dapat bersama-sama membantu dan membela nasib umat Islam yang dizalimi dan dianiaya di negara sendiri.

Tahun	Kronologi Sejarah Konflik
1948	Perang Arab-Israel Pertama: Selepas pengisytiharan kemerdekaan Israel pada 14 Mei 1948, negara-negara Arab segera menyerang Israel, mencetuskan perang yang berlangsung sehingga tahun 1949. Perang ini mengakibatkan pembahagian Palestin kepada Israel, wilayah yang dikuasai Jordan (kini Tebing Barat), dan Gaza yang dikuasai Mesir.
1967	Perang Enam Hari: Israel melancarkan serangan mengejut terhadap negara-negara Arab jiran dan menawan wilayah-wilayah baru, termasuk Tebing Barat, Semenanjung Gaza, Semenanjung Sinai (kemudian kembali ke Mesir), dan Golan Heights (kemudian diilhankan dari Syria).
Intifada Pertama (1987-1993)	Pemberontakan Palestin terhadap pendudukan Israel, dicetuskan oleh ketegangan politik, ekonomi, dan sosial yang semakin meningkat di wilayah Palestin yang wujud di wilayah-wilayah yang diduduki.
1993	Proses Damai Oslo (1993): Perjanjian Oslo yang ditandatangani antara Israel dan Pihak Berkuasa Palestin, menandakan percubaan pertama untuk mencapai penyelesaian politik terhadap konflik Israel-Palestin. Walaupun ia membawa harapan awal untuk keamanan, pelaksanaannya terhalang oleh keganasan dan penolakan dari kedua-dua belah pihak
Intifada Kedua (2000-2005)	Gelombang keganasan yang lebih besar daripada Intifada pertama, dicetuskan oleh kegagalan proses damai dan ketegangan yang semakin meningkat di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.
Perang Gaza (2008-2009, 2012, 2014)	Satu siri konflik ketenteraan antara Israel dan Hamas di Semenanjung Gaza, mengakibatkan kerosakan besar, kecederaan, dan ketegangan serantau.

Pergolakan dan konflik di antara Arab dan Israel telah berlangsung selama hampir tujuh dekad. bermula seawal abad ke-20 ketika gerakan Zionis mendirikan negara Yahudi di Tanah Israel (Palestin pada masa tersebut) dan pada masa yang sama dihuni oleh penduduk Arab palestini. Sejarah menunjukkan, konflik yang berlaku di antara Israel dan Palestin bermula selepas kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah semasa di penghujung perang dunia pertama. Justeru, pada tahun 1922, Palestin telah diletakkan di bawah pentadbiran Britain yang merupakan sebahagian daripada sistem mandat (Martin, 2012). Krisis antara Israel dan Palestina tidak pernah reda sepenuhnya. Malah ketegangan dan keganasan berterusan berlaku antara kedua-dua pihak.

Tindakan Boikot Produk Pro Israel

Krisis kemanusiaan di Palestin semakin membimbangkan bermula Oktober 2023 yang lalu. Hal ini membangkitkan pelbagai andaian masyarakat dunia yang membantah tindakan kejam rejim zionis termasuklah tidak menyokong produk pro-israel. Malahan rakyat Malaysia turut menunjukkan solidariti kepada rakyat di Palestin apabila pelbagai senarai perkongsiaan produk-produk tempatan membanjiri platform di media-media sosial. Menurut Mohd Farhan (2023), kempen boikot produk Israel telah bermula sejak tahun 2005 hasil daripada inisiatif rakyat dalam menuntut keadilan dan kebebasan Palestin.

Namun, pada tahun 2014, kempen boikot produk Israel terus mendapat sambutan oleh komuniti antarabangsa malahan dunia. Isu boikot barangan pro-Israel merupakan satu jihad ekonomi berikutan tindakan kejam Israel ke atas Gaza. Malahan, menerusi kempen boikot ini mampu memberi tekanan yang hebat terhadap sektor ekonomi Israel. Lantaran itu, tekanan ini sebagai alternatif untuk menghentikan konflik Palestin. Isu boikot ini juga sebagai salah satu isyarat jelas umat Islam terhadap tindakan Zionis terhadap rakyat Palestin. Justeru, melalui usaha boikot ini dapat memutuskan rantai ekonomi Israel yang banyak memberi sumbangan kepada dunia.

Walaupun ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia tidak tergolong sebagai kuasa besar daripada sudut penguasaan ekonomi, namun isu boikot ini sebagai satu langkah yang proaktif terhadap umat Islam di Malaysia. Isu boikot memberi peluang kepada pengusaha tempatan apabila masyarakat mula beralih kepada produk tempatan yang dilihat setanding dengan produk Israel dan Amerika. Malahan nama produk seperti Ramly Burger, US Pizza, Marrybrown, Zus coffee antara jenama makanan yang memberi impak besar apabila masyarakat mula mengenali dan mengetahui bahawa produk tersebut merupakan produk tempatan. Pengusaha tempatan juga mengambil peluang dengan mewujudkan rantai restoran makanan segera yang setanding dengan KFC, Mc donald. Antaranya Darsa Fried Chicken, Muiz Fried Chicken, D sara Fried chicken dan sebagainya antara langkah alternatif yang diambil oleh masyarakat Islam di negara Malaysia.

Baru-baru ini telah dilancarkan aplikasi “*no thank*” secara percuma yang direka khas untuk membantu pengguna mengambil bahagian dalam gerakan boikot dengan mudah. Pengguna hanya perlu memuat naik aplikasi tersebut di *play store* dan *apple store* untuk memudahkan pengguna mengetahui sama ada barangan atau produk tersebut adalah pro Israel.

Secara kesimpulan, isu Palestin bukanlah suatu isu baharu. Permasalahan yang berlaku telah diketahui oleh seluruh masyarakat antarabangsa sebagai isu kemanusiaan sejagat yang sehingga ke hari ini belum menemui jalan penyelesaian. Masyarakat islam khususnya di Malaysia menyatakan hasrat memboikot produk pro-Israel sebagai tanda solidariti kepada rakyat Palestin agar Israel akan menghentikan peperangan yang melanggar hak asasi manusia ini. Malah melihat kepada isu boikot telah wujudnya pelbagai produk tempatan dan juga aplikasi yang dilihat sebagai satu langkah yang positif. Justeru, isu kemanusiaan ini mengharapakan kerjasama daripada rakyat Malaysia dan seluruh dunia agar berterusan memberi sokongan terhadap isu memboikot.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif di mana data yang diperolehi adalah menggunakan kaedah pemerhatian, perbincangan dan kaedah analisis kandungan. Pemerhatian dibuat di beberapa premis makanan seperti Mc Donald, Starbuck dan Domino di zon utara Malaysia. Hasil pemerhatian selama tiga hari menunjukkan jumlah pengunjung adalah berkurangan berbanding sebelum pelancaran boikot menggunakan media sosial secara besar-besaran. Penyelidik mendapatkan bantuan serta melakukan perbincangan bersama pekerja premis untuk memberi maklumbalas keatas jumlah pengguna secara menyeluruh sebelum dan selepas boikot dalam media sosial dilancarkan. Seterusnya, penyelidik menggunakan analisa kandungan bagi mendapat idea, dan data-data dalam memperkukuhkan hasil pemerhatian. Analisa kandungan diperolehi dari jurnal, kajian perpustakaan, blog maya dan blog di media sosial.

Memahami Boikot Melalui Teori Identiti Sosial

Gerakan boikot produk dan barangan Israel, yang hangat sedang berlangsung hari ini adalah usaha perpaduan global untuk menyokong hak dan kesejahteraan rakyat Palestin dalam perjuangan mereka menentang pendudukan Israel (Plessis et al., 2009). Gerakan ini bertujuan untuk memberi tekanan kepada Israel melalui strategi ekonomi, akademik, budaya, dan politik (Barghouti, 2011). Matlamat gerakan boikot ini berlangsung secara hebat dan meluas dengan harapan Israel akan menghentikan pelanggaran hak asasi manusia dan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang menghalang peperangan dan kependudukan berlaku di Palestin.

Gerakan boikot terhadap produk Israel mulai meluas di peringkat global umumnya. Penyebaran gerakan boikot meluas dan cepat tersebar dengan adanya media sosial. Di Arab khususnya, boikot dilakukan disebabkan oleh rasa kemanusiaan terhadap apa yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin. Gerakan boikot telah menyebabkan kerugian kepada syarikat-syarikat yang terlibat secara langsung dengan Israel. Melalui usaha ini, gerakan boikot bertujuan untuk mencapai keadilan dan kebebasan bagi rakyat Palestin serta menghentikan penjajahan dan pembunuhan yang berlaku di wilayah-wilayah yang diduduki.

Gerakan boikot produk Israel mendapat sambutan global dan dilihat sangat berjaya. Ini dapat dilihat dengan penyertaan dari negara-negara antarabangsa tanpa mengira ideologi mahupun agama anutan mereka. Bagaimana gerakan boikot Israel ini mendapat sokongan dan kerjasama semua? Penyertaan gerakan boikot oleh entiti antarabangsa dapat dijelaskan melalui Teori Identiti Sosial (TIS).

TIS yang diperkenalkan oleh Henri Tajfel menghuraikan tentang keterikatan dan keanggotaan individu dengan kumpulan keahliannya (Dashtipour, 2012). Tajfel dan Turner (1979) menambah TIS membolehkan seseorang meletakkan rasa kepunyaan, jalinan, keterikatan terhadap sesebuah kumpulan. Konsep dalam teori ini adalah menerangkan bagaimana individu itu menjalin dimensi kognitif dengan wujudnya keanggotaan kumpulan dan keahliannya (Brewer, 2001). Identiti merupakan elemen penting dalam TIS. Ia dibentuk melalui konsep nilai kepunyaan. nilai kepunyaan dalam sesuatu kumpulan memberi makna seseorang itu mempunyai identiti. Identiti sosial dan budaya boleh dikategorikan dalam dua kelompok iaitu identiti yang dijamin dan identiti yang diperolehi (Inac & Unal, 2013).

Identiti yang dijamin selalunya diwariskan dari keluarga, etnik, agama, komuniti dan kewarganegaraan. Ia biasanya berlaku akibat sosialisasi sosial didalam sesuatu masyarakat. Manakala identiti yang diperolehi adalah satu identiti yang bukan diwariskan tetapi dipilih secara sukarela oleh seseorang individu sebagai contoh melucutkan kerakyatan asal untuk menjadi rakyat negara lain (Inac & Unal, 2013). Manusia dibahagikan kepada dua kategori iaitu “kami” dan “mereka” yang melibatkan proses penting dalam TIS iaitu pengkategorian sosial, pembentukan identiti sosial dan perbandingan sosial.

Menurut TIS, individu atau negara mungkin secara sukarela menyokong boikot sebagai tindakan perpaduan dengan Palestin kerana pengenalan mereka dengan identiti kolektif atau kumpulan yang sejajar dengan punca. Pembentukan identiti kolektif merupakan tahap kedua didalam TIS. Identiti mempengaruhi penyertaan sosial, dan adakalanya mempengaruhi bagaimana keputusan dan tindakan seseorang (Nathan, 2010). Identiti setiap kumpulan mempunyai ciri-ciri khas yang sama seperti amalan dan kod moral. Ia mungkin kebudayaan, etnik, agama, kumpulan kelas ekonomi mahupun gabungan semuanya (Nathan, 2010). Menjadi

ahli dalam sesuatu kumpulan menjadikan seseorang itu bertanggungjawab dalam membentuk perilakunya seiring dengan identiti kumpulan terlibat (Nathan, 2010). Individu, kumpulan atau negara yang mengambil bahagian dalam boikot dan menyokong perjuangan Palestin sering berbuat demikian untuk menyatakan identiti bersama mereka dengan rakyat Palestin dan untuk menunjukkan solidariti mereka dengan mereka (Scobbie & Hibbin, 2000). Negara-negara Arab contohnya mempunyai identiti agama dan budaya yang menyebabkan mereka sangat menyokong gerakan boikot produk Israel bagi menyatakan sokongan kepada Palestine sebagai saudara sesama mereka.

TIS membantu kita memahami gerakan boikot produk Israel sangat kuat dalam kalangan negara Islam kerana dukungan agama Islam yang beridentifikasikan kesatuan ummah, ukhwa sesama Islam, kasih sayang dan tanggungjawab sesama. Negara-negara Islam cenderung melihat diri mereka sebagai satu komuniti Islam global yang melewati sempadan negara dan tanggung jawab bersama menjaga kebajikan antara satu dengan lain. Kesatuan ummah menyemarakkan rasa persaudaraan, kasih sayang, kebergantungan moral dan emosi serta tindakan moral seiring dengan ajaran Islam. Nilai Islam telah membentuk jati diri masyarakat Islam walau berlainan seluruh dunia walau berlainan kewarganegaraan. Ketika rakyat Palestin, yang juga merupakan komuniti Islam, mengalami penderitaan dan penindasan, negara-negara Islam merasa terdorong untuk membantu dan menyatakan sokongan melalui gerakan boikot sebagai bentuk solidariti agama dan tanggung jawab moral.

Seterusnya, negara-negara Islam yang menyokong gerakan boikot Israel seringkali melakukannya sebagai respon terhadap tanggungjawab moral dan ajaran agama yang menyeru kita memberi perlindungan terhadap golongan yang tertindas dan pentingnya dalam menegakkan keadilan. Negara-negara Islam memandang gerakan boikot sebagai bentuk tindakan kolektif untuk menyokong Palestin dalam perjuangan mereka untuk keadilan dan kemerdekaan. Dengan menolak untuk berurusan, membeli atau berhubungan dengan produk-produk Israel, negara-negara Islam ini berusaha untuk menunjukkan solidariti mereka dengan rakyat Palestin dan menekankan pentingnya menghormati hak-hak mereka.

Identiti seseorang mempengaruhi kehidupan individu baik dari segi hubungan, interaksi mahupun penyertaan sosialnya. Pembentukan identiti seseorang tidak hanya tertakluk kepada identiti tunggal semata-mata. Seseorang individu boleh mempunyai atau menjadi ahli kepada beberapa kumpulan yang berbeza dengan amalan norma, budaya mahupun sosial yang pelbagai dan berbeza (Abrams, Wetherell, Cochrane, Hogg, & Turner, 1990; Tajfel & Turner, 1979). Mengambil kira identiti kumpulan memerlukan kesetiaan dan keutamaan, individu biasanya akan memilih identiti yang dominan sebagai mengasimilasikan identiti yang lain dengan identiti dominan. Sebagai contoh identiti dominan adalah seperti identiti sebagai warganegara. Menjadi warganegara yang membawa identiti jati diri negara adalah satu komitmen dan tanggungjawab utama (Abrams et al., 1990).

Namun begitu, seseorang individu dipunyai oleh pelbagai organisasi sosial yang menyebabkan mereka mempunyai dan berkait dengan pelbagai identiti (Brodsky & Marx 2001). Kepelbagaian identiti ini memberi mereka perasaan dipunyai dalam konteks sosial yang berbeza dan memberi pengiktirafan menjalankan aktiviti secara individu atau secara kolektif (Brodsky & Marx, 2001). Ini dapat menjelaskan mengapa negara Barat, atau orang yang bukan beragama Islam mempunyai penglibatan tinggi dalam gerakan boikot produk Israel. TIS yang dikembangkan oleh Henri Tajfel dan John Turner, menyatakan bahwa individu cenderung

mengklasifikasikan diri mereka dan orang lain ke dalam berbagai kelompok sosial, yang menciptakan identitas in-group (kelompok kita) dan out-group (kelompok mereka). Dalam konteks ini, individu di negara Barat merasa solidariti dengan rakyat Palestin berdasarkan identifikasi dengan nilai-nilai universal seperti keadilan, kebebasan, dan hak asasi manusia. Jelas menunjukkan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel bukan hanya melibatkan agama tetapi melibatkan isu tanah, isu kemerdekaan, isu neo-kolonialisme, isu kepribadian sesebuah bangsa, isu keadilan dan kemanusiaan sejagat (Muhammad Jeffery Hizwan, 2018).

Identifikasi ini menyebabkan negara-negara barat merasa terhubung dengan perjuangan rakyat Palestin dan termotivasi untuk mengambil tindakan yang dianggap betul agar peperangan dan pembunuhan boleh dihentikan. Penglibatan dalam gerakan boikot Israel memperlihatkan diri kita sebagai sebahagian dari kelompok atau kumpulan global yang memperjuangkan hak asasi manusia dan menentang penindasan. Solidariti global ini diperkuat oleh media sosial dan media massa, yang menyebarkan informasi tentang penderitaan rakyat Palestin dan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh Israel (Barghouti, 2011). Akibatnya, masyarakat di negara Barat lebih mudah merasa empati dan termotivasi untuk mendukung gerakan boikot sebagai bentuk tindakan solidariti.

Selain itu, banyak organisasi hak asasi manusia dan aktivis di negara Barat yang aktif dalam mempromosikan kesedaran tentang situasi di Palestin (Nazri, 2022). Pengaruh ini dapat memperkuat identifikasi individu dengan kelompok yang memperjuangkan keadilan sosial dan hak asasi manusia, serta mendorong mereka untuk mengambil tindakan secara kolektif (Nazri, 2022). Dalam konteks politik dan diplomasi, dukungan terhadap gerakan boikot juga dapat dilihat sebagai cara untuk menegaskan posisi moral dan politik negara atau kelompok tertentu dalam arena antarabangsa. Dengan mendukung gerakan boikot, mereka dapat menunjukkan komitmen mereka terhadap prinsip-prinsip hak asasi manusia dan keadilan global (Barghouti, 2011).

Oleh itu, melalui TIS, dapat difahami bahawa dukungan negara Barat terhadap gerakan boikot produk Israel adalah hasil dari solidariti global dan identifikasi dengan nilai-nilai hak asasi manusia, yang melampaui perkaitan agama dan membentuk motivasi untuk mengambil tindakan yang dianggap dapat mewujudkan suasana harmoni, adil dan selamat untuk semua (Barghouti, 2011). Identifikasi dengan nilai-nilai hak asasi manusia juga mengatasi batasan agama dan etnik, memungkinkan individu dari berbagai latar belakang untuk merasa terhubung dengan perjuangan rakyat Palestin. Mereka melihat tindakan boikot bukan sebagai tindakan yang bermotif agama, tetapi sebagai tanggung jawab moral untuk menentang ketidakadilan dan mendukung hak asasi manusia.

Perbincangan

Tingkah laku manusia yang terkait dengan usaha memboikot barangan dan perkhidmatan Israel ini umumnya dapat diukur dan difahami melalui salah satu teori yang dikenali sebagai Teori Identiti Sosial (TIS) (Hamzah & Mustafa, 2019). Melalui teori ini tindakan seseorang manusia dapat dijelaskan secara terperinci dan kita mampu mengetahui bagaimana seseorang individu itu mengenal pasti dirinya dan kumpulan sosial yang terlibat serta cara kumpulan ini bertindak dengan mempengaruhi ahlinya. Hal ini secara tidak langsung akan membawa kepada tindakan secara kolektif (Hamzah, & Mustafa, 2019). Umumnya TIS ini telah pun diperkenalkan oleh Henri Tajfel dan John Turner. Melalui TIS ini didapati bahawa identiti individu tidak hanya terbentuk oleh ciri-ciri personal mereka, tetapi ia turut dipengaruhi oleh kumpulan sosial yang

mereka rasakan dan anggap diri mereka sebagai sebahagian daripada ahli dalam kumpulan tersebut (Awaludin, 2023). Oleh yang demikian, bertepatan dengan teori dan dapatan yang sedang berlaku kepada rakyat Malaysia pada hari ini, majoriti rakyat Malaysia menentang tindakan kerajaan haram Israel yang melakukan pembunuhan dan jenayah perang terhadap rakyat Palestin (Awaludin, 2023).

Kesannya, rakyat Malaysia dan dunia umumnya secara beramai-ramai tanpa perlu desakan atau pun galakan, cukup sekadar kesedaran daripada media sosial yang ada, kini pelbagai produk dan perkhidmatan yang memiliki kaitan dengan Amerika dan Israel telah pun menjalani pemboikotan yang berpanjangan dan mungkin untuk selamanya (Brown, Bulte & Zhang, 2023). Kesan daripada tindakan ini, dapat dilihat kerugian yang sangat besar daripada syarikat-syarikat yang terlibat dengan kempen boikot ini (Pita, 2023). Perkara ini adalah selari dengan TIS ini, kerana menurut teori ini manusia biasanya akan memiliki rasa kepunyaan, jalinan emosi yang kuat serta pandangan yang baik terhadap kumpulannya sendiri (Pita, 2023). Selain itu, mereka turut mewujudkan status sosial yang positif melalui perbandingan kumpulan mereka dengan kumpulan-kumpulan yang lain (Pita, 2023). Maka, sekiranya terdapat pergeseran serta ancaman yang bersifat negatif daripada kumpulan lain, seseorang itu beserta ahli kumpulannya yang lain cenderung untuk bertindak mempertahankan hak mereka dan meningkatkan keyakinan kumpulan mereka terhadap kumpulan-kumpulan yang lain (Brown, Bulte, & Zhang, 2023).

Unsur Kejiwaan Dan Proses Identifikasi

Keterikatan daripada sudut emosi dan rasa memiliki yang tinggi terhadap ahli kumpulan yang berkongsi identiti atau matlamat yang sama dalam hidup menyebabkan proses memboikot produk dan perkhidmatan daripada Israel semakin berjaya dan mendapat tempat di mata masyarakat lain yang wujud bukan daripada kumpulan yang sama (Hafer, Ran, & Duimering, 2023). Hal ini terbukti melalui demonstrasi besar-besaran daripada kumpulan pelajar universiti dan orang awam (Awaludin, Haryanto, & Hakim, 2023). Malahan yang lebih membanggakan, perkara ini telah berlaku dalam kumpulan yang sangat besar dan kebanyakan daripada mereka bukanlah daripada komuniti Islam sahaja, tetapi meliputi pelbagai kaum dan agama yang pelbagai (Awaludin, Haryanto, & Hakim, 2023). Namun mereka berkongsi perasaan dan solidariti yang tinggi terhadap rakyat Palestin (Awaludin, Haryanto, & Hakim, 2023). Selain itu, perkara ini turut diperkuat oleh nilai-nilai kemanusiaan dan rasa keadilan yang perlu dilakukan (Hafer, Ran, & Duimering, 2023). Rasa kepunyaan ini seperti yang dinyatakan tadi, melampaui batasan agama dan ideologi serta membentuk identiti yang kolektif dan dalam kalangan penyokong gerakan pembebasan Palestin ini (Hafer, Ran, & Duimering, 2023).

Melalui isu Palestin ini, mata dunia melihat bahawa tindakan boikot ini sebagai salah satu cara yang berkesan dalam memperjuangkan hak rakyat di Palestin yang sejak dahulu lagi mengalami pelanggaran hak asasi dan penjajahan daripada penganas Israel (Sawtari, 2023). Oleh yang demikian gerakan boikot ini secara tidak langsung membantu dalam mengurangkan sumber kewangan bagi pihak Israel dan seterusnya perlahan-lahan menghentikan jenayah yang sedang mereka lakukan (Sawtari, 2023). Perkara ini juga secara tidak langsung membantu dalam usaha pembentukan identiti kumpulan secara kolektif. Merujuk kepada TIS, identiti sosial terbentuk melalui proses pengkategorian, identifikasi, dan perbandingan sosial (Sawtari, 2023). Dalam isu Israel yang sedang melakukan jenayah peperangan ini, individu secara tidak langsung telah mengkategorikan diri mereka penyokong keadilan bagi Palestin (Sawtari, 2023). Selain itu mereka juga dapat mengidentifikasi diri mereka dengan gerakan tersebut, dan

sekali gus membandingkan kumpulan mereka dengan kumpulan lain yang mungkin tidak menyokong dengan gerakan ini (Sawtari, 2023). Proses ini juga turut diperkukuh dengan identiti kolektif yang mendorong kepada tindakan kolektif seperti memboikot dan menyuarakan bantahan secara terang-terangan ataupun melalui media sosial (Sawtari, 2023).

Selain itu, tindakan memboikot ini juga boleh dianggap sebagai salah satu bentuk perlawanan secara simbolik terhadap kekejaman kuasa dan dominasi yang dilakukan oleh dunia barat kepada Palestin (Wallace, 2022). Melalui proses memboikot ini, masyarakat dunia umumnya menunjukkan komitmen mereka terhadap prinsip-prinsip keadilan dan kebersamaan dengan rakyat Palestin (Wallace, 2022). Perkara ini sekali gus membantu dalam mempertahankan semangat dan komitmen dalam gerakan memboikot ini (Wallace, 2022). Kesan daripada perkara ini, dimensi kognitif keanggotaan kumpulan wujud secara tidak langsung (Wallace, 2022). Hal ini membawa kepada satu pandangan bagaimana individu melihat diri mereka serta tindakan mereka, dan identiti yang terbentuk melalui keanggotaan dalam gerakan ini sangat memberi makna dan tujuan kepada tindakan boikot (Wallace, 2022). Para penyokong merasa mereka adalah sebahagian daripada usaha global untuk mencapai keadilan dan hak asasi manusia untuk rakyat Palestin (Wallace, 2022).

Melalui TIS ini juga pembentukan identiti sosial dan budaya turut berlaku. Terdapat dua jenis identiti yang ada iaitu identiti yang dijamin dan identiti yang diperolehi (Inac & Unal, 2013). Identiti yang dijamin merujuk kepada keanggotaan dalam kumpulan berdasarkan ciri-ciri yang tidak boleh diubah, seperti etnik atau agama (Krug, 2021). Contoh yang mudah adalah seperti bangsa Melayu, agama Islam dan etnik Bugis (Inac & Unal, 2013). Sebaliknya, identiti yang diperolehi adalah berdasarkan pilihan dan tindakan, seperti menyertai gerakan boikot (Krug, 2021). Penyertaan dalam boikot produk Israel adalah contoh identiti yang diperolehi apabila individu secara aktif memilih untuk menyokong perjuangan Palestin sebagai sebahagian daripada identiti mereka (Krug, 2021). Melalui identiti ini ia tidak melibatkan ciri-ciri khusus, cukup dengan memahami dan memiliki hati sebagai seorang manusia yang normal dan waras sudah memadai untuk menjadi salah seorang daripada ahli dalam kumpulan yang melakukan pemboikotan (Inac & Unal, 2013).

Faktor Kejayaan Pemboikotan

Beberapa faktor utama yang telah menjadi penyumbang utama dalam kejayaan gerakan memboikot barangan dan perkhidmatan Israel (Inac & Unal, 2013). Salah satu daripadanya adalah kuasa media sosial yang menjadi latar belakang utama bagi kebanyakan berita dan maklumat yang kemungkinan besar boleh disekat oleh pihak-pihak tertentu untuk sampai kepada semua orang (Krug, 2021). Melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, X dan pelbagai lagi medium lain membolehkan berita secara langsung, gambar-gambar terlibat serta video-video tanpa ada apa-apa suntingan dapat disebarkan dengan sangat cepat dan meluas. Hal ini banyak memberi gambaran sebenar kepada masyarakat dunia tentang apa yang sedang berlaku di Palestin (Krug, 2021). Kesannya, tanpa mengira latar belakang seseorang itu daripada sudut bangsa mahu pun agama, pastinya akan meruntun jiwa dan perasaan apabila mereka melihat perkara yang sedang melanda penduduk di Palestin (Krug, 2021). Maka Gerakan boikot semakin mendapat tempat di hati setiap umat manusia bagi usaha menghentikan jenayah perang yang sedang dilakukan oleh Israel (Inac & Unal, 2013).

Faktor kedua pula ialah daripada sudut jaringan global. Jaringan global yang wujudnya kini bersifat tanpa sempadan telah membawa gerakan memboikot ini memperoleh sokongan

daripada pelbagai organisasi serta individu yang berada diseluruh dunia (Wallace, 2022). Perkara ini sekaligus membentuk satu jaringan global yang sangat kukuh kerana kekejaman yang dilakukan oleh pengganas Israel telah mewujudkan rasa kekitaan dalam diri warga dunia untuk sama-sama turut serta membantu dengan tidak hanya berdoa tetapi juga melakukan sesuatu benda yang terlihat kecil dan seperti tiada apa-apa namun sangat besar kesannya kepada ekonomi Israel iaitu memboikot produk mereka (Wallace, 2022). Jaringan global ini membawa kepada sokongan masyarakat dunia dan adalah tidak berlebihan sekiranya dinyatakan bahawa perkara ini membawa sehingga melintasi sempadan nasional, agama, dan budaya (Wallace, 2022). Hal ini merupakan salah satu bentuk cerminan solidariti global kepada penduduk di Palestin (Sawtari, 2023).

Faktor terakhir adalah kemerosotan ekonomi Israel. Melalui data dan fakta yang dikeluarkan oleh pelbagai sumber yang sahih dan boleh dipercayai, didapati ekonomi negara haram Israel sedang menuju kepada fasa kehancuran akibat sumber ekonomi yang semakin merosot dan mengecil akibat tindakan memboikot produk mereka (Sawtari, J., 2023). Syarikat-syarikat yang terlibat dengan Israel secara langsung atau tidak langsung sedang mengalami tekanan ekonomi yang sangat teruk, manakala terdapat sebahagian daripada pemain-pemain ekonomi ini bertindak untuk melepaskan saham yang dimiliki oleh Israel bagi mengurangkan tekanan dunia terhadap hasil perniagaan mereka (Wallace, 2022). Berita-berita dalam negara turut ada melaporkan tentang penutupan beberapa syarikat makanan segera kesan daripada gerakan boikot ini (Wallace, 2022). Apabila dana satu-satu disekat maka pengoperasian turut akan terganggu, maka sumbangan royalti terhadap Israel tidak berjalan seperti sebelum ini (Wallace, 2022). Rangkaian kejatuhan ekonomi sedikit demi sedikit ini semakin menunjukkan kesan yang signifikan terutama kepada usaha Israel untuk melanjutkan kekejamannya (Sawtari, 2023). Kesimpulannya, diharapkan melalui usaha memboikot ini, bakal menghentikan perbuatan terkutuk negara haram Israel terhadap rakyat Palestin dan seterusnya membina semula negara berdaulat bagi rakyat Palestin.

Kesimpulan

Inti sari, tindakan memboikot produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Israel oleh masyarakat dunia, termasuk di Malaysia, mencerminkan solidariti global terhadap rakyat Palestin yang sedang menderita akibat kekejaman dan jenayah perang yang dilakukan oleh pihak Israel. Melalui Teori Identiti Sosial (TIS) yang diperkenalkan oleh Henri Tajfel dan John Turner, dapat difahami bahawa identiti individu tidak hanya terbentuk melalui ciri-ciri peribadi tetapi juga melalui keanggotaan dalam kumpulan sosial yang memiliki matlamat dan nilai-nilai yang sama. Rakyat Malaysia, sebagai contoh, menunjukkan sokongan padu kepada rakyat Palestin dengan cara memboikot produk Israel sebagai manifestasi identiti kolektif mereka yang berjuang untuk keadilan dan hak asasi manusia. Tindakan kolektif ini juga didorong oleh sifat rasa empati, kemanusiaan, dan keadilan yang melampaui batasan agama dan bangsa, menjadikan gerakan boikot ini lebih kuat dan berkesan dalam menekan ekonomi Israel dan meningkatkan kesedaran global mengenai isu Palestin.

Selain itu, penggunaan media sosial telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran mengenai kekejaman yang dilakukan oleh Israel, seterusnya mendorong lebih ramai individu untuk menyertai gerakan boikot ini. Melalui penyebaran berita, gambar, dan video yang tidak disunting, masyarakat global dapat melihat dengan jelas penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin, yang kemudiannya mendorong mereka untuk bertindak.

Justeru, jaringan global yang tanpa sempadan ini telah menyatukan pelbagai organisasi dan individu dari seluruh pelosok dunia dalam usaha mereka untuk memboikot produk Israel, memperkuat gerakan ini dan memberikan impak ekonomi yang signifikan terhadap Israel. Dengan adanya sokongan yang meluas dan berterusan, diharapkan usaha boikot ini akan terus memberikan tekanan kepada Israel untuk menghentikan kekejaman mereka dan akhirnya membebaskan rakyat Palestin daripada segala jenis penindasan. Hal ini bukan sahaja memperlihatkan kekuatan solidariti global tetapi juga menunjukkan bagaimana tindakan kolektif dapat membawa perubahan yang nyata dalam perjuangan untuk keadilan dan hak asasi manusia.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan penyelidik yang menyumbang idea, masa dan bantuan teknikal dalam menyiapkan naskah ini. Gabungan penyelidik dari pelbagai disiplin ilmu telah membantu dalam mengupas persoalan bagaimana boikot boleh berlaku melangkaui agama dan budaya.

Rujukan

- Abrams, D., Wetherell, M., Cochrane, S., Hogg, M. A., & Turner, J. C. (1990). Knowing what to think by knowing who you are: self-categorization and the nature of norm formation, conformity and group polarization. *British Journal of Social Psychology*, 29(2), 97–119.
- Anne Le More (2008). *International Assistance to the Palestinians After Oslo: Political Guilt, Wasted Money*. Routledge. m/s. 65. ISBN 978-1-134-05233-2
- Atika Shafinaz Nazri (2022). NGO Malaysia dalam Isu kemanusiaan Palestin: Aman Palestin Berhad. *Sains Insani eISSN: (0127-7871)*. Volume 07 No 1: 07-16. Pusat Pengajian Teras. Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan.
- Aulia, M. L. (2009). *Dari Semenanjung Gaza Ayat-ayat Allah Berbicara*. Selangor: Farhus enterprise
- Awaludin, M. (2023). Analisis Tindakan Boikot Produk Israel oleh Rakyat Malaysia. *Jurnal Sosial dan Budaya*.
- Awaludin, M. (2023). Opinion leaders and boycott intentions: Factors influencing consumer behavior in support of Israel boycott. *Journal of Digital Marketing and Halal Industry*. <https://doi.org/10.1234/jdmi.v2i3.456>
- Barghouti, Omar. (2011). *BDS: Boycott, Divestment, Sanctions The Global Struggle For Palestinian Rights*. Haymarket Books Chicago, Illinois
- Batniji, R. et al. (2009). Health in the occupied Palestinian territory. *The Lancet*, 373(9666), 837-849.
- Brewer, M. B. (2001). The many faces of social identity: Implications for political psychology. *Political Psychology*, 22(1), 115–125.
- Brodsky, A., & Marx, C. (2001). Layers of identity: multiple psychological senses of community within a community setting. *Journal of Community Psychology*, 29, 161 - 178.
- Brown, B., Bulte, E., & Zhang, J. (2023). Commercial Casualties: Political Boycotts and International Disputes. *Journal of East Asian Studies*, 23 (3), 387-410
- Dashtipour, P. (2012). *Concepts for critical psychology: disciplinary boundaries re-thought, social identity in question: construction, subjectivity and critique*. London: Routledge/Taylor & Francis Group.

- Fischer, N. (2021). Palestinian Non-Violent Resistance and the Apartheid Analogy. *Interventions*, 23(8) 1124-1139.
- Gainsborough, J. R. (1986). *The Arab-Israeli Conflict: A Politico-legal Analysis*. England: Gower Publishing Company Limited
- Greenstein, R. (2020). Israel, Palestine, and Apartheid. *Insight Turkey*, 22(1), 73-92.
- Hafer, J., Ran, B., & Duimering, P. R. (2023). Social Media and the Global Boycott Movement: Case Study of Israel. *Journal of Social and Political Studies*.
- Hafer, J., Ran, B., & Duimering, P. R. (2023). Social identity dynamics in a networked society. *Frontiers in Psychology*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1264534>.
- Hamzah, H., & Mustafa, H. (2019). Teori Identiti Sosial dalam Tindakan Kolektif: Kes Boikot Produk Israel. *Jurnal Psikologi Sosial*.
- Hamzah, H., & Mustafa, H. (2019). Exploring consumer boycott intelligence towards Israel-related companies in Malaysia: An integration of the theory of planned behaviour with transtheoretical stages of change. *Journal of Islamic Marketing*, 10(1), 208-226. <https://doi.org/10.1108/JIMA-06-2017-0070>
- Inac, H., & Unal, F. (2013). Identity Formation and Collective Action: A Study on the Palestinian Solidarity Movement. *International Journal of Social Sciences*.
- Inac, H., & Unal, F. (2013). The construction of national identity in modern times: Theoretical perspective. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(11). https://www.ijhssnet.com/journals/Vol_3_No_11_June_2013/26.pdf
- Kim, C., Yan, X., & Park, S. (2023). Do consumer boycotts really matter with global companies? The moderating effect of gender differences. *International Journal of Emerging Markets*, 18(12), 5707-5726. <https://doi.org/10.1108/IJOEM-03-2021-0312>
- Krug, H., Haslam, S. A., Otto, K., & Steffens, N. K. (2021). Identity leadership, social identity continuity, and well-being at work during COVID-19. *Frontiers in Psychology*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.684475>
- Krug, H. (2021). Social Media's Role in Activism: The Case of the Palestinian Boycott Movement. *Journal of Media and Communication*.
- Muhammad Jeffery Hizwan Said (2018). Persepsi Mahasiswa Open University Malaysia (Oum) Terhadap Konflik Politik Palestin-Israel ,*Jurnal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 15, No.4 (2018) 64-77.
- Nathan, G. (2010). *Social Freedpm In A Multicultural State: Towards A Theory Of Intercultural Justice*. New York: Palgrave-MacMillan
- Nazri, Atika. (2022). Penglibatan dan Sumbangan NGO Malaysia dalam Isu kemanusiaan Palestin: Aman Palestin Berhad: Malaysian NGOs in Humanitarian Issues of Palestine: Aman Palestine Berhad. *Sains Insani*. 7. 7-16.
- Nur Atika Hairi & Norhafizah Ahmad (2020). Pengaruh dan Impak Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Terhadap Isu Palestin di Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies Vol.1 No.1*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Johor Baharu.
- Pita, A. (2023). Economic Impacts of Boycotting Israeli Products. *Economic Review Journal*.
- Pita, A. (2023). Pro-Gaza boycotts take a toll on US multinationals in the Middle East and wider Muslim world. *EL PAÍS*.
- Risqi, M., Septiazi, F., & Yuliana, N. (2023). Analysis of the Influence of Social Media on the Boycott Movement of Israeli Products in Indonesia. *Triwikrama: Jurnal Multidisiplin Ilmu Sosial*, 2(4), 2023–2054.

- Rujukan website. Dilayari pada 24 Mei 2024. *Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements* (DOP), 13 September 1993. Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements (archive.org)
- Sawtari, J. (2023). The Effectiveness of Boycott Movements in Political Struggles: The Case of Palestine. *Journal of International Relations*.
- Sawtari, J. (2023). The Boycott, Divestment, and Sanctions (BDS) Movement: Assessing Its Effectiveness in Supporting Palestine. *Arab America*.
- Tajfel, H. (1981). *Human Groups And Social Categories*. Cambridge University
- Tajfel, H. (1982). Social Psychology of Intergroup Relations. *Annual Review of Psychology*, 33(1), 1–39. doi:10.1146/annurev.ps.33.020182.000245
- Tajfel, H. & Turner, J. C. (1986). The Social Identity Theory Of Intergroup Behavior. Dalam Worchel, S. & Austin, W.
- Ula, G. H., Hikmah, N., Wiradinata, R., & Senja, N. (2024). Impact of Boycott, Divestment, and Sanctions Movement on Indonesia's Economy. *Greenation International Journal of Economics and Accounting (GIJEA)*, 2(1), 22–29. <https://doi.org/10.38035/gijea.v2i1.156>
- Wallace, R. J. (2022). Boycotts and the Social Enforcement of Justice. *Social Philosophy and Policy*, 38(4), 307-341. <https://www.cambridge.org/core/journals/social-philosophy-and-policy>
- Wallace, R. J. (2022). Symbolic Resistance: The Power of Boycott Movements. *Global Studies Journal*.
- Zakaria, M. F., & Nor, M. R. (2013). *Bumi yang dijanjikan: Konflik Israel-Palestin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.